

# Patuhi zon konservasi perikanan

*Bagi melindungi  
nelayan yang terjejas  
berikutan pelaksanaan  
projek tambak laut*

KUALA LUMPUR

Kerajaan Pulau Pinang perlu mematuhi zon konservasi perikanan dalam pelaksanaan projek tambak laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ia bagi melindungi nelayan yang terjejas hasil tangkapan ikan dan hidupan laut mereka akibat pelaksanaan projek itu.

"Kementerian melalui Jabatan Perikanan telah menggariskan penggazetan zon perikanan di sepanjang pesisir pantai dari Pulau Betung sehingga Teluk Bahang termasuk kawasan air sehingga satu batu nautika

dan penggazetan *middle bank* sebagai kawasan perlindungan perikanan.

"Kerajaan negeri juga perlumengubahsuai reka bentuk pulau dengan menyediakan laluan migrasi *subtidal zone* sedalam satu hingga dua meter ketika air surut paling rendah dengan kelebaran

mencukupi di selatan pulau yang dicadangkan," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di Parlimen semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (BN-Kepala Batas) yang ingin tahu sama ada projek penambakan laut PSR akan menjejaskan hasil tangkapan ikan dan hidupan laut di kawasan tersebut.

Salahuddin berkata, pembelaan atau pampasan yang setimpal kepada nelayan di Pulau Pinang juga harus diberikan akibat projek berkenaan.



SALAHUDDIN

"Projek ini inisiatif kerajaan Pulau Pinang, maka kementerian berpandangan nelayan yang terjejas menjadi tanggungjawab dan perlu diambil tindakan sewajarnya oleh kerajaan negeri," katanya.

Menurutnya, secara keseluruhan pelaksanaan projek PSR akan menjelaskan seramai 4,996 nelayan di Pulau

Pinang dengan 1,422 neyalan terdiri daripada nelayan tradisional Zon A.

Beliau berkata, dianggarkan sebanyak 51,184 tan metrik dengan nilai RM555 juta setahun pendaratan perikanan tangkapan marin di Pulau Pinang akan terjejas akibat kerosakan kekal itu.

"Projek PSR ini juga akan menjejaskan seramai 511 penternak akuakultur (ikan marin) dengan pengeluaran 45,742 tan metrik bernilai RM1.67 bilion setahun," katanya. - Bernama